

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN #POCKETHACK AKAUN GX

### 1. Umum

- 1.1 Peraduan #PocketHack Akaun GX ("Peraduan") ini dianjurkan oleh GX Bank Berhad ("GXBank") dan akan berlangsung dari 21 Julai 2025 hingga 11 Ogos 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh lain yang mungkin ditentukan oleh GXBank dari semasa ke semasa dengan notis kepada anda ("Tempoh Peraduan").
- 1.2 Dengan menyertai Peraduan ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Peraduan ("Terma dan Syarat") dan bersetuju bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh GXBank berkenaan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat.
- 1.3 Peraduan ini sama sekali tidak ditaja, disahkan, ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan Instagram.

### 2. Kelayakan

- 2.1 Peraduan ini terbuka kepada semua pelanggan individu GXBank yang mempunyai dan mengekalkan Akaun GX dalam kedudukan yang baik, dan memenuhi syarat pembiayaan untuk pengesahan Akaun GX ("Pelanggan yang Layak").
- 2.2 Individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
  - (a) pelanggan yang Akaun GX mereka dorman atau tidak aktif, telah ditamatkan, ditutup, digantung, dengan baki akaun negatif atau sebaliknya dikendalikan dengan tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh GXBank sepanjang Tempoh Peraduan;
  - (b) individu yang tidak sihat dari segi mental, meninggal dunia, diisyiharkan bankrap atau terlibat dalam sebarang prosiding undang-undang yang sedang berjalan;
  - (c) individu di bawah umur lapan belas (18) tahun;
  - (d) pekerja tetap dan kontrak GXBank.

### 3. Mekanisme Peraduan dan Proses Penyertaan

- 3.1 Untuk menyertai Peraduan ini, Pelanggan yang Layak mesti melengkapkan langkah-langkah berikut sepanjang Tempoh Peraduan ("Peserta"):
  - (a) Peserta mesti mengikuti atau menjadi pengikut aktif Laman Instagram rasmi GXBank, yang terletak di <http://www.instagram.com/gxbankmy>;
  - (b) Peserta mesti menghantar komen pada Siaran Peraduan yang ditetapkan di Laman Instagram GXBank ("Penyertaan Peraduan") yang merangkumi semua perkara berikut:
    - (i) penerangan tentang cara kreatif mereka menggunakan Savings Pockets, bersama dengan hashtag wajib **#PocketHack** dan **#GXBank**; dan
    - (ii) menandai sekurang-kurangnya dua (2) rakan dalam komen Peserta di bawah siaran Penyertaan Peraduan.

Siaran Penyertaan Peraduan Peserta mesti berjaya disiarkan pada Siaran Peraduan yang ditetapkan sepanjang Tempoh Peraduan.

- 3.2 GXBank berhak untuk membatalkan kelayakan, menurunkan dan memadam sebarang Penyertaan Peraduan yang mengandungi ketelanjanjan, kekasaran, kekotoran, sentimen perkauman, kata-kata lucah, keganasan, atau sebarang elemen lain yang dianggap tidak sesuai oleh GXBank (termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggaran hak harta intelek pihak ketiga) mengikut budi bicara mutlaknya.
- 3.3 GXBank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang siaran Penyertaan Peraduan yang tidak berjaya disebabkan oleh masalah teknikal atau sambungan internet atau atas sebarang sebab lain sekalipun.

#### **4. Hadiah Peraduan**

- 4.1 Peserta berpeluang untuk memenangi Hadiah Peraduan berikut ("Hadiah Peraduan"), seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Contest Prize	Total Winners
RM100 setiap pemenang	10 pemenang

Jadual 1

- 4.2 Sepuluh (10) Peserta yang komen mereka pada siaran Penyertaan Peraduan menerima bilangan 'suka' tertinggi akan dipilih sebagai pemenang ("Pemenang"). Kiraan rasmi 'suka' akan dimuktamadkan pada 11 Ogos 2025 jam 11:59:59 PM (Waktu Malaysia, GMT+8) ("Tempoh Waktu Tamat"). 'Suka' yang diterima selepas Tempoh Waktu Tamat tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3 Untuk mengelakkan keraguan, walaupun Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) Penyertaan Peraduan untuk meningkatkan peluang mereka dipilih, setiap Peserta layak untuk memenangi hanya satu (1) Hadiah Peraduan. Jika seorang Peserta mempunyai beberapa komen dalam sepuluh (10) penyertaan yang paling banyak 'disukai', hanya satu komen dengan bilangan 'suka' tertinggi akan dianggap sebagai penyertaan yang menang. Hadiah Peraduan untuk komen seterusnya daripada Peserta yang sama akan diberikan kepada Peserta dengan komen layak yang menduduki tempat seterusnya.

#### **5. Penebusan Hadiah Peraduan**

- 5.1 Pemenang yang dipilih akan dihubungi melalui Mesej Langsung Instagram (DM) dari akaun Instagram rasmi GXBank, @gxbankmy. Pemenang mesti membalias DM pemberitahuan dalam tempoh tiga (3) hari kalender dari masa mesej dihantar. Balasan mesti merangkumi sebarang maklumat yang diminta oleh GXBank untuk tujuan penunaian Hadiah Peraduan (cth., alamat e-mel berdaftar).
- 5.2 Sekiranya Pemenang gagal membalias dalam tempoh tiga (3) hari yang ditetapkan, tidak dapat dihubungi, atau gagal memberikan maklumat yang diperlukan, Pemenang akan dianggap telah melucutkan Hadiah Peraduan. GXBank berhak untuk memilih Pemenang baharu daripada peserta yang paling layak seterusnya berdasarkan kriteria penilaian asal.
- 5.3 GXBank berhak mutlak untuk melakukan semakan pengesahan ke atas semua Pemenang. Sekiranya butiran peribadi yang diberikan oleh Pemenang untuk tujuan penebusan Hadiah Peraduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama penuh, nombor hubungan, atau alamat e-mel) tidak konsisten dengan dokumen pengenalan rasmi Pemenang (cth. MyKad), atau

didapati palsu atau mengelirukan, GXBank berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang dan melucutkan Hadiah Peraduan tanpa sebarang liabiliti kepada Pemenang.

- 5.4 Hadiah Peraduan akan dikreditkan ke Akaun GX Pemenang masing-masing dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh tamat Peraduan. Untuk mengelakkan keraguan, 'hari bekerja' ditakrifkan sebagai Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk hujung minggu dan sebarang cuti umum yang disambut di Kuala Lumpur, Malaysia. Walaupun GXBank akan berusaha untuk memenuhi garis masa ini, ia berhak untuk melanjutkan tempoh penebusan jika perlu.
- 5.5 Semua keputusan yang dibuat oleh GXBank berkaitan atau berhubung dengan Peraduan ini, termasuk tafsirannya terhadap Terma dan Syarat ini, adalah muktamad, konklusif, dan mengikat semua Peserta. GXBank tidak diwajibkan untuk memberikan sebarang sebab atau memasuki sebarang surat-menyurat mengenai keputusannya. Tiada rayuan, tuntutan, atau surat-menyurat lanjut akan dipertimbangkan.
- 5.6 Hadiah Peraduan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, atau manfaat dalam bentuk.
- 5.7 GXBank berhak untuk menggantikan Hadiah Peraduan dengan item lain yang sama nilai mengikut budi bicaranya disebabkan oleh ketidaktersediaan Hadiah Peraduan atau disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan GXBank.

## 6. **Terma dan Syarat Umum**

- 6.1 Dengan menyertai Peraduan, anda bersetuju dengan pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank mengikut [Dasar Privasi Data GXBank](#) dan [Terma-Terma dan Syarat-Syarat Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit](#). Selain itu, anda bersetuju dengan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank untuk:
  - (a) tujuan yang berkaitan dengan Peraduan; dan
  - (b) aktiviti pemasaran dan promosi yang berkaitan dengan Peraduan yang dijalankan oleh GXBank, yang mungkin merangkumi pelbagai bentuk pengiklanan dan publisiti melalui media seperti akhbar, televisyen, radio dan platform dalam talian. Ini mungkin melibatkan penggunaan butiran daripada penyertaan anda, bahan temu duga, respons dan gambar yang berkaitan. Anda juga bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Peraduan.
- 6.2 Melainkan dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini, Peraduan tidak boleh digabungkan dengan mana-mana promosi GXBank yang lain, dan tiada ganjaran tambahan akan ditawarkan.
- 6.3 Rekod transaksi yang diselenggara oleh GXBank dan keputusannya mengenai Peraduan adalah muktamad dan mengikat. GXBank tidak diwajibkan untuk memberikan alasan atau terlibat dalam surat-menyurat mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan Peraduan.
- 6.4 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, dan melainkan disebabkan oleh kecuaian besar atau salah laku yang disengajakan oleh GXBank, GXBank dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi atau waranti (sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan) berkenaan Peraduan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan kualiti, kesesuaian untuk tujuan tertentu, dan yang disebut dalam media massa, pemasaran, atau bahan pengiklanan.

- 6.5 Dengan menyertai Peraduan, anda bersetuju bahawa GXBank tidak akan menerima sebarang liabiliti atau bertanggungjawab jika ia tidak dapat memenuhi mana-mana kewajipannya, secara keseluruhan atau sebahagian, disebabkan oleh keadaan di luar kawalannya. Ini termasuk kegagalan peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, isu elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, pandemik, perbuatan Tuhan, atau sebarang peristiwa force majeure yang lain.
- 6.6 GXBank, pegawai, pekerja, wakil dan ejennya (termasuk mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat untuk Peraduan), tidak akan bertanggungjawab atau menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk yang timbul daripada Peraduan, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang dialami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga, kecuali dalam kes kecuaian besar GXBank atau salah laku yang disengajakan secara khusus berkaitan dengan Peraduan.
- 6.7 Anda bersetuju dan berjanji untuk menanggung rugi dan membebaskan pegawai, pekerja, wakil dan ejennya GXBank terhadap sebarang tuntutan, prosiding, ganti rugi, kerugian dan kos (termasuk yuran guaman atas dasar ganti rugi) yang mungkin timbul berkaitan dengan atau akibat salah laku, kecuaian, salah nyata atau pelanggaran Terma dan Syarat ini.
- 6.8 GXBank tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti ke atas sebarang kegagalan teknikal, gangguan atau kesilapan (sama ada elektronik atau manusia) dalam pentadbiran atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Aplikasi GX.
- 6.9 GXBank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International, MasterCard Worldwide, pedagang, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi, atau mana-mana pihak lain, yang mungkin mengakibatkan ketidakupayaan anda untuk menuntut ganjaran di bawah Peraduan.
- 6.10 GXBank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang salah tafsiran atau salah nyata fakta mengenai Peraduan oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan dalam mana-mana bahan media, pemasaran atau pengiklanan.
- 6.11 Sekiranya terdapat sebarang peranggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti, atau bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 6.12 GXBank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Peraduan, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Peraduan. Notis awal akan diberikan dengan menyiarkan di laman web GXBank di [gxbank.my/notices](http://gxbank.my/notices), melalui Aplikasi GX, atau dengan mana-mana kaedah lain yang ditentukan oleh GXBank. Sebarang pembatalan, pengeluaran, penggantungan, lanjutan atau penamatan Peraduan oleh GXBank tidak akan melayakkan anda mendapat sebarang tuntutan atau pampasan untuk kerugian atau kerosakan yang ditanggung sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan ini.
- 6.13 GXBank berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah suai Terma dan Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa. Notis awal akan diberikan dengan menyiarkan di laman web GXBank di [gxbank.my/notices](http://gxbank.my/notices), melalui Aplikasi GX, atau dengan mana-mana kaedah lain yang ditentukan oleh GXBank.
- 6.14 Sebarang perkara yang tidak dilindungi secara eksplisit oleh Terma dan Syarat ini akan ditentukan oleh GXBank mengikut budi bicara yang munasabah.

- 6.15 Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan anda bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 6.16 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini dan versi dalam bahasa lain (termasuk Bahasa Malaysia), versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 6.17 Anda bersetuju untuk sentiasa menyemak laman web GXBank untuk kemas kini mengenai Peraduan dan Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang notis daripada GXBank yang berkaitan dengan Peraduan. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan penjelasan tentang Peraduan atau Terma dan Syarat ini, sila hubungi wakil sah GXBank.
- 6.18 Untuk pertanyaan atau maklum balas mengenai Peraduan, sila hubungi kami melalui fungsi sembang dalam Aplikasi GX, hubungi pasukan Sokongan Pelanggan kami di +603 7498 3188, atau e-mel kepada kami di [ask@gxbank.my](mailto:ask@gxbank.my).